

ANUGERAH IKON ALUMNI  
KESUKARELAWANAN

NUR HELIZA HELMI



**TAHNAH:** Heliza memenangi Anugerah Ikon Alumni Kesukarelawan dan menerima hadiah daripada Rahman sempena majlis itu.

## Alumni UMS diseru menyumbang kepada universiti

UB 15.11.2024 P.04

**KOTA KINABALU:** Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) diseru untuk menyumbang semula kepada universiti sama ada dari segi kewangan mahupun akademik.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, berkata perjalanan UMS dari awal penubuhan hingga menjadi institusi dihormati adalah hasil usaha kolektif komuniti dan alumni.

Katanya, universiti berkembang bukan hanya dengan pembiayaan kerajaan dan yuran pengajian, tetapi juga dengan sokongan mereka yang pernah mengganggapnya sebagai rumah iaitu alumni.

"Walaupun UMS sudah mencapai kemajuan mengagumkan, namun masih banyak lagi potensi yang belum direalisasikan," katanya berucap merasmikan Malam Anugerah Ikon Alumni 2024 baru-baru ini.

Menurutnya, untuk merealisasikan potensi itu, ia memerlukan kepakaran, rangkaian dan sokongan kewangan dari alumni.

Beliau turut menceritakan kisah seorang rakan sekelasnya yang telah berjaya dalam bidang penyelidikan, menerima

basiswa untuk menyambung pengajian di UMS dan tanpa bantuan itu, perjalanan akademiknya mungkin berakhir lebih awal.

"Ini contoh nyata bagaimana sokongan kita boleh mengubah hidup seseorang dan akhirnya menyumbang kepada kemajuan masyarakat secara keseluruhan.

"Kita perlu sedar bahawa sumbangankita boleh memberi kesan langsung kepada kualiti pendidikan, kemudahan dan peluang yang ditawarkan oleh UMS kepada pelajar sekarang dan masa hadapan.

"Apabila kita menyokong UMS, kita mencipta kitaran pertumbuhan yang memberi manfaat bukan sahaja kepada universiti tetapi juga kepada komuniti dan wilayah secara keseluruhan," katanya.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Profesor Madya Dr. Raman Noordin berkata, semua alumni merupakan aset bernilai buat universiti yang mampu membantu memperkenalkan imej universiti di mata masyarakat luar.

"Pengurusan UMS melihat para alumni universiti ini sebagai rakan kongsi dan

pemegang taruh yang berpotensi untuk memberi nilai tambah kepada universiti ini," katanya.

Pada majlis itu, lapan kategori anugerah dipertandingkan iaitu Anugerah Ikon Alumni Ideal yang dimenangi oleh Profesor Dr. Saw Phei Er; Anugerah Ikon Alumni Kesukarelawan dimenangi oleh Nur Heliza Helmi; Anugerah Ikon Alumni Keusahawanan dimenangi Azizul Julirin dan Anugerah Ikon Alumni Akademik dimenangi oleh Profesor Dr. Ahmad Zaharin Aris.

Sementara itu Anugerah Ikon Alumni Pengurusan dimenangi oleh Dr. Hyginus Lester Junior Lee; Anugerah Ikon Alumni Kesenian dimenangi oleh Jasmi Rasit; Anugerah Ikon Alumni Sukan dimenangi oleh Raymond Toh Meng Hui dan Anugerah Ikon Alumni Antarabangsa dimenangi oleh Carla Goncalves De Oliveira Sarmiento.

Turut hadir ahli LPU UMS, Samasuddin Yusof; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahril Yusof; Timbalan Presiden Pertubuhan Alumni UMS, Mohammad Pauzi Jhumat dan Pengarah Alumni UMS, Dr. Arif@Kamisan Pusiran.